

SOALAN LAZIM
JOMPAY & WIN! 2023

1. **Soalan:**
Apakah kempen **JomPAY & Win! 2023**?

Jawapan:

PTPTN sekali lagi telah bekerjasama dengan Ambank (M) dan Payments Network Malaysia (PayNet) pada tahun ini, melalui kempen **JomPAY & Win! 2023**. JomPAY adalah merupakan penyedia perkhidmatan pembayaran kepada para pelanggan melalui bank-bank di Malaysia.

2. **Soalan:**
Bilakah tempoh kempen **JomPAY & Win! 2023** ini bermula?

Jawapan:

Tempoh kempen ini bermula pada **17 Julai 2023** sehingga **16 September 2023**.

3. **Soalan:**
Apakah terma dan syarat untuk menyertai Kempen ini?

Jawapan:

Terma dan syarat untuk menyertai kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada semua peminjam PTPTN;
- ii. **Bayaran balik pinjaman PTPTN perlu dibuat melalui saluran JomPAY** dalam tempoh kempen;
- iii. Kelayakan cabutan adalah berdasarkan kepada **amaun bayaran balik pinjaman PTPTN** seperti berikut:

Bayaran Balik Minimum	Kelayakan Bilangan Cabutan
RM100	1 Cabutan

- iv. **Tiada had** untuk bilangan cabutan;
- v. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
- vi. Sekiranya berlaku kematian peminjam, akaun tersebut masih layak untuk cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat kempen.

4. **Soalan:**
Sekiranya peminjam telah membuat bayaran balik pinjaman **melebihi RM100**, berapakah jumlah bilangan kelayakan cabutan yang diperolehi peminjam sepanjang tempoh kempen?

Jawapan:

Sebagai contoh peminjam telah membuat bayaran balik pinjaman sebanyak **RM250** melalui JomPAY sepanjang tempoh kempen, kelayakan bilangan cabutan yang diperolehi oleh peminjam di dalam kempen ini adalah **sebanyak dua (2) cabutan**. Pengiraan ini diambil kira dengan **membuat bayaran balik terkumpul minimum RM100 semasa tempoh kempen**.

5. **Soalan:**
Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan penyertaan kempen JomPAY & Win! 2023 ini?
- Jawapan:**
Tidak perlu kerana kelayakan kempen JomPAY & Win! 2023 ini adalah automatik bagi peminjam yang layak.
6. **Soalan:**
Sekiranya peminjam tersebut telah dikenakan kos penghakiman dan peminjam telah membuat bayaran balik pinjaman minimum RM100 melalui JomPAY, adakah peminjam **LAYAK** untuk mendapat bilangan cabutan di dalam kempen ini?
- Jawapan:**
Peminjam masih **LAYAK** untuk mendapat bilangan cabutan di dalam kempen ini dan tertakluk kepada terma dan syarat kempen.
7. **Soalan:**
Sekiranya peminjam merupakan penerima Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) dan telah membuat bayaran balik pinjaman minimum RM100 melalui JomPAY, adakah peminjam tersebut **LAYAK** untuk mendapat bilangan cabutan di dalam kempen ini?
- Jawapan:**
Peminjam masih **LAYAK** untuk mendapat bilangan cabutan di dalam kempen ini kerana WPP merupakan sebahagian dari pinjaman yang diberikan sebagai pendahuluan sebelum pelajar mendaftar masuk ke IPT dan tertakluk kepada terma dan syarat kempen.
8. **Soalan:**
Sepanjang tempoh kempen, peminjam telah membuat bayaran balik pinjaman sebanyak RM450 melalui JomPAY. Berapakah kelayakan bilangan cabutan yang diperolehi oleh peminjam tersebut di dalam kempen ini?
- Jawapan:**
Kelayakan bilangan cabutan yang diperolehi oleh peminjam di dalam kempen ini adalah **sebanyak empat (4) kali cabutan**. Pengiraan ini diambil kira dengan membuat bayaran balik **minimum RM100 dan jumlah bayaran yang terkumpul di dalam tempoh kempen**.
9. **Soalan:**
Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?
- Jawapan:**
Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah **DUA PULUH (20) HARI** selepas tamat tempoh kempen. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.
10. **Soalan:**
Jika peminjam meninggal dunia dalam tempoh kempen, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?
- Jawapan:**
Sekiranya berlaku kematian peminjam, akaun tersebut masih layak untuk cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat kempen.

11. **Soalan:**
Apakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini?

Jawapan:

Kempen ini menawarkan **hadiah wang tunai dalam bentuk bayaran balik pinjaman PTPTN**, keseluruhan sebanyak **RM60,000** kepada **66 orang pemenang**:-

Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama : RM11,000	1
Kedua : RM5,000	2
Ketiga : RM3,000	3
Saguhati : RM500	60
Jumlah Pemenang	66

12. **Soalan:**
Bagaimanakah makluman kepada pemenang kempen JomPAY & Win! 2023 akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: www.ptptn.gov.my

13. **Soalan:**
Sekiranya jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, adakah pemenang masih akan menerima baki nilai hadiah tersebut?

Jawapan:

Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam **akaun Simpan SSPN Prime** yang dibuka oleh pemenang sebagai pendeposit. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara **pre-opening**.

14. **Soalan:**
Bilakah hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN akan dikreditkan kepada **akaun pinjaman pemenang**?

Jawapan:

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang dalam tempoh **DUA (2) BULAN dari tarikh cabutan**. Pemenang boleh menyemak penyata pinjaman/ simpanan di laman portal rasmi PTPTN www.ptptn.gov.my atau menghubungi talian *Careline* 03- 2193 3000 untuk info lanjut.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
JomPAY & Win! 2023*

Maklumat dikemaskini pada 17 Julai 2023